

# Majuternak: JTN buat keputusan

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Keputusan membubarkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (Majuternak) dibuat oleh Jawatankuasa Tindakan Negara, kata sumber-sumber hari ini.

Jawatankuasa tersebut yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mencapai keputusan itu selepas mengkaji ke-

dudukan Majuternak.

Sumber-sumber Kementerian Pertanian memberitahu, JTN berpendapat, kegiatan ternakan lembu dan tenusu secara besar-besaran yang dijalankan oleh Majuternak tidak menguntungkan.

Mereka merasa terdapat kekurangan pengertian tentang peranan Majuternak yang sebenar, tambah sumber-sumber itu.

Sumber-sumber berkata, JTN bermesyuarat 16 Februari dan keputusan membubarkan Majuternak dibuat berdasarkan tiga laporan, dua disediakan oleh dua jawatankuasa yang dilantik oleh Menteri Pertanian, Datuk Haji Abdul Manan Othman, dan satu lagi laporan Ketua Audit Negara.

Laporan Ketua Audit Negara ialah mengenal kelemahan-kelemahan di bahagian perniagaan Majuternak, yang menyebabkan lima cek berjumlah \$1.6 juta ditolak oleh bank.

## Tak untung

Dari dua jawatankuasa tersebut, satu ditugaskan menyusun semula pengurusan ladang Majuternak dan mengkaji rancangan menambah pembiakan lembu. Manakala jawatankuasa kedua menyediakan laporan tentang rumah-rumah sembelih Majuternak.

Semalam, Datuk Manan mengumumkan di Parlimen, kegiatan Majuternak akan diambilalih oleh Jabatan Veterinar, FAMA dan pihak berkuasa tempatan.

Beliau berkata, kerajaan memutuskan untuk menutup Majuternak kerana kegiatan pembiakan ternakan secara besar-besaran tidak mendatangkan keuntungan.

Datuk Manan berkata, kakitangan Majuternak akan diserap oleh agensi-agensinya berkaitan mengikut fungsi-fungsi

mereka.

Sementara itu, Ketua Pengarah FAMA, Encik Hariri Abu Taif berkata, Kementerian Pertanian akan menemui pegawai-pegawai jabatannya dan lain-lain agensi yang terlibat untuk menyelesaikan urusan pertukaran kegiatan.

Beliau berkata, beberapa mesyuarat diatur dalam masa beberapa minggu akan datang untuk membincang peranan agensi-agensinya tersebut, tarikh pengambilalihan Majuternak dan tarikh penutupannya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

.....  
B.S...